



14 Nov 2018

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Nabila Yasmin Razib • Section: Ekonomi • Page: 46 • Printed size: 271.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,356.00
Item ID: MY0034305951

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

UM miliki Makmal Teknologi Blockchain

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Universiti Malaya (UM) melancarkan secara rasmi Makmal Teknologi Blockchain UM yang merupakan makmal fizikal pertama seumpamanya di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Naib Canselor UM, Datuk Ir. Dr. Abdul Rahim Hashim berkata, makmal yang dibangunkan di bawah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSK-TM) itu diwujudkan bagi para penyelidik dalam bidang blockchain terutama UM untuk mengaplikasikan penyelidikan mereka selain daripada menambah baik penggunaan teknologi tersebut.

Beliau berkata, makmal tersebut turut membolehkan para penyelidik mengukuhkan kajian mereka dan berpotensi menghasilkan produk-produk inovasi yang mempunyai nilai komersial.

"Diharapkan dengan adanya Makmal Teknologi Blockchain ini, ia dapat membantu FSKTM dan



KHALID ABD. SAMAD (tengah) mendengar penerangan daripada Nik Izwan (kiri) dan Abdul Rahim ketika melawat sekitar Makmal Teknologi Blockchain UM di Kuala Lumpur, semalam.

UM menghasilkan penerbitan berimpak tinggi hasil kerjasama penyelidikan daripada pelbagai bidang.

"Kerjasama ini amat diperlukan supaya universiti dapat meningkatkan keupayaan sumber manusia dan menggunakan kepakaran daripada pihak-pihak luar yang relevan untuk pembangu-

nan industri," katanya pada majlis perasmian Makmal Teknologi Blockchain UM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd. Samad; Pensyarah Kanan Jabatan Sistem dan Teknologi Komputer FSKTM, Dr. Saaidal Razalli Azzuhri; Pengarah Urusan Ifcon

Technology Sdn. Bhd., Nik Izwan Nik Kamil dan Pengarah Komersial Ifcon Technology Sdn. Bhd., Ahmad Aliff Ahmad Shariffudin.

Sementara itu, Ahmad Aliff berkata, selain daripada penubuhan makmal, Seminar Blockchain Kebangsaan yang diadakan serentak dengan perasmian makmal tersebut dengan kerjasama Ifcon Technology juga bertujuan membetulkan segala tanggapan salah mengenai blockchain.

Ujarnya, ramai beranggapan blockchain mampu menjerumuskan seseorang individu dalam dalam jenayah penipuan terutama melibatkan kewangan dan persepsi ini harus dibetulkan sekiranya negara mahu melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang berkenaan.

"Sebenarnya blockchain adalah satu sistem yang lebih selamat dan ia tidak boleh digodam. Potensi kerjaya dalam bidang ini juga amat luas dan oleh sebab itu kami bekerjasama dengan UM untuk menjalankan penyelidikan berkenaan dengan teknologi ini," katanya.



14 Nov 2018

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Nabila Yasmin Razib • Section: Ekonomi • Page: 46 • Printed size: 271.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,356.00
Item ID: MY0034305951

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR 13 Nov.- Universiti Malaya (UM) melancarkan secara rasmi Makmal Teknologi Blockchain UM yang merupakan makmal fizikal pertama seumpamanya di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Naib Canselor UM, Datuk Ir. Dr. Abdul Rahim Hashim berkata, makmal yang dibangunkan di bawah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) itu diwujudkan bagi para penyelidik dalam bidang blockchain terutama UM untuk mengaplikasikan penyelidikan mereka selain daripada menambah baik penggunaan teknologi tersebut.